



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

Keperluan skim perlindungan diri

Kita sering terdedah kepada pelbagai bentuk risiko yang biasanya melibatkan kerugian dari segi kewangan.



Kerugian kewangan di sini merujuk kepada kehilangan atau penurunan nilai disebabkan musibah. Umumnya, risiko boleh dikategorikan kepada dua iaitu risiko tulen dan spekulatif. Risiko tulen merujuk kepada kebarangkalian terjadi kerugian ataupun tiada kerugian.

Risiko tulen boleh dilindungi contohnya kebakaran, kematian, kemalangan, kecurian dan sebagainya. Risiko spekulatif pula tidak dapat dipastikan sama ada sesuatu kejadian itu boleh membawa kepada keuntungan, kerugian atau tiada kerugian.

Risiko kategori itu tidak boleh dilindungi atau diinsuranskan. Contohnya, pelaburan di pasaran saham. Terdapat empat strategi dalam pengurusan risiko iaitu mengelak, menerima, mengurangkan dan memindah.

Terdapat tiga pendekatan yang boleh digunakan dalam menentukan keperluan perlindungan risiko.

1. Pendekatan Berbilang Pendapatan

- Matlamat pendekatan ini adalah untuk menggantikan pendapatan penyara utama keluarga untuk bilangan masa (tahun) yang telah ditetapkan.
- Pendapatan tahunan penyara utama didarabkan dengan bilangan tahun yang diperlukan untuk keperluan masa hadapan keluarga. Cadangan jangka masa adalah antara tujuh hingga 10 tahun.
- Kekurangan pendekatan ini, ia tidak mengambil kira keperluan utama sesebuah keluarga, dana pelaburan dan kepelbagaian bentuk keluarga. Selain itu, ia juga tidak mengambil kira faktor inflasi dan kenaikan pendapatan (gaji) pada masa hadapan.
- Pendekatan ini sesuai untuk saiz keluarga yang kecil.

2. Pendekatan Nilai Hidup Manusia

- Matlamat utama adalah untuk menggantikan pendapatan yang hilang akibat kehilangan pekerjaan.
- Penentuan keperluan akan mengambil kira beberapa faktor seperti umur, jantina, pekerjaan, pendapatan semasa dan akan datang termasuk faedah yang diterima daripada majikan.
- Terdapat beberapa langkah diambil kira, antaranya:
- Anggarkan pendapatan anda/keluarga sekarang sehingga satu jangka masa tertentu (biasanya umur persaraan). Perlu diambil kira faktor peningkatan gaji tahunan.
- Daripada jumlah tersebut, tolak jumlah perbelanjaan anda/keluarga termasuk cukai.
- Tentukan anggaran kadar pulangan ke atas baki (pendapatan – (perbelanjaan anda/keluarga + cukai)).
- Kos manfaat yang diterima daripada majikan. Contohnya, penjagaan kesihatan yang perlu digantikan sekiranya anda meninggal dan faktor inflasi.

3. Analisis Keperluan Modal

- Matlamat utama adalah untuk menggantikan pendapatan anda/keluarga dengan mengambil kira kepelbagaian sumber pendapatan.
- Kaedah ini biasanya digunakan untuk menentukan keperluan perlindungan risiko diri dan keluarga.
- Penentuan keperluan menggunakan pendekatan ini mengambil kira faktor lain seperti:
- Pendapatan semasa dan masa hadapan anda serta pasangan.
- Keperluan tunai semasa sekiranya berlaku kematian seperti perbelanjaan pengebumian, bayaran pinjaman dan pinjaman perumahan.
- Perbelanjaan masa hadapan seperti pendidikan anak, perkahwinan, perbelanjaan penjagaan jangka panjang dan dana persaraan.
- Aset dimiliki keluarga dan polisi insurans.

PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI merupakan Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia